

# Dr. Mahathir kecewa media asing dakwa Malaysia sarang pengganas

1944 8 OCT 2002

KUALA LUMPUR 7 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kecewa dengan laporan tidak adil media asing akhir-akhir ini yang mendakwa Malaysia sarang pengganas walaupun tuduhan itu tidak mempunyai asas dan bukti yang kukuh.

Tegas Perdana Menteri, dalam isu berkisar keganasan terutama apabila Malaysia dikatakan 'tempat melindungi pengganas', sepatutnya Amerika Syarikat (AS) berpegang kepada kedaulatan undang-undang.

Ini bermakna, kata beliau, seseorang yang dikatakan berada di negara ini serta didesak diserahkan kepada AS, perlu terlebih dahulu dibuktikan bersalah sebelum urusan penyerahan dibuat.

Malangnya, ini tidak dilakukan oleh AS yang hanya akan mengikut kedaulatan undang-undang jika negara lain ternampak salah.

"Banyak tuduhan tidak adil terhadap Malaysia tapi apa yang bo-

leh kita buat sebab surat khabar mereka lebih berkuasa dan boleh kuasai dunia.

"(Oleh itu) saya tak mahu menyalahkan negara lain (yang mendakwa Malaysia sarang pengganas), terpulang kepada orang ramai untuk buat penilaian.

"(Apapun) dalam kes Ahmed Ibrahim Bilal yang dikatakan berada di negara ini, kita akan dapatkan maklumat sama ada tuduhan terhadapnya (disyaki militan Islam AS) benar atau tidak," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Ketua-Ketua Audit negara Komanwel ke-18 di Hotel Palace of The Golden Horses di sini hari ini.

Perdana Menteri ditanya pandangannya terhadap tuduhan media asing yang belum dibuktikan, bahawa beberapa pengganas yang dikaitkan dengan 'peristiwa 11 September' berada di negara ini termasuk yang terbaru, Ahmed.

Ahmed dikehendaki berhubung dakwaan bersubahat melancarkan perang ke atas AS dan menyokong rangkaian Al-Qaeda.

Sebelum ini, seorang militan, Yazid Sufaat dikehendaki oleh Biro Siasatan Persekutuan (FBI) kerana didakwa membantu pakatan melancarkan serangan ke atas Pusat Dagangan Dunia (WTC) di New York.

Yazid, seorang bekas kapten tentera dituduh membenarkan pangsapuri miliknya di Kajang digunakan sebagai tempat mesyuarat operasi Al-Qaeda pada Januari 2000, termasuk dua perampas pesawat yang didakwa terbabit dengan serangan tersebut.

Dia juga didakwa membantu Zaccarias Moussaoui yang dipenjarakan di AS kerana terbabit dalam konspirasi serangan. Moussaoui turut dikatakan berada di negara ini pada 1999.